

Kemahiran Belajar Di Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)

Zukia Aniza Ibrahim^{1*}, Suzana Yusof¹

¹Department of Information and Communication Technology, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000
Dungun, Terengganu.

*Corresponding author E-mail: zukia.aniza@psmza.edu.my

Abstrak

Kajian yang dijalankan ini berjudul “Kemahiran Belajar di Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)”. Kajian ini adalah bertujuan untuk menyelidik kemahiran belajar di kalangan pelajar di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) dari aspek pengurusan masa pelajar dan amalan belajar berkumpulan di kalangan pelajar tersebut. Ini berikutan permasalahan pelajar mengenai teknik atau kemahiran belajar dalam menghadapi pembelajaran diperingkat IPT yang penuh dengan cabaran dalam menyeimbangkan kecemerlangan akademik dan bukan akademik. Data-data dikumpul menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 13.0. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 129 orang responden secara rawak yang terdiri daripada 69 pelajar di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) dan 60 pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) yang mengikuti program diploma. Kaedah tinjauan deskriptif yang berbentuk kuantitatif telah digunakan dengan mengambil kira kekerapan, peratusan dan skor min. Analisa kebolehppercayaan terhadap instrumen yang telah diproses menunjukkan nilai pekali alfa cronbach ialah 0.87. Hasil kajian menunjukkan, kemahiran responden dari sudut pengurusan masa adalah pada tahap sederhana, sedangkan kemahiran dari aspek amalan belajar secara berkumpulan, adalah pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan kemahiran belajar responden adalah pada tahap ‘tinggi’, iaitu skor min 3.8. Ini menunjukkan responden masih mempunyai kemahiran belajar yang tinggi di Politeknik.

Kata Kunci: kemahiran; belajar; pelajar

1.0 PENGENALAN

Di seluruh dunia, institusi pengajian tinggi dijadikan pusat penyelidikan dalam pelbagai bidang bagi menggerakkan pembangunan negara yang mapan dan utuh dalam arus globalisasi ini. Di Malaysia sendiri sehingga tahun 2017, terdapat 230 Institusi Awam. 36 daripadanya adalah Politeknik. Sesungguhnya perkembangan dan keaktifan institusi ini telah memberi sumbangan yang besar dalam mencorak kemajuan negara yang disegani di mata dunia seiring dengan matlamat untuk mewujudkan masyarakat berilmu pengetahuan.

Walaupun demikian, tidak dinafikan, masih ramai yang tidak mengetahui corak kehidupan sebenar yang harus diikuti apabila berada di institusi pengajian tinggi. Ramai pelajar yang ke institusi pengajian tinggi, ‘terkandas’ sebelum sampai ke penghujungnya. Bahkan mereka yang berjaya juga kebanyakannya adalah berjaya secara sederhana atau ‘cukup-cukup makan’. Oleh yang demikian, pelajar haruslah mempunyai matlamat yang jelas

dengan membuat persediaan yang rapi bagi memastikan matlamat yang sebenar dapat dicapai.

Kehidupan di institusi pengajian tinggi bukanlah semudah yang disangkakan. Ianya tidak sama dengan belajar semasa di sekolah menengah atau rendah. Kehidupan di sana lebih kepada memerlukan disiplin serta membuat keputusan sendiri dalam banyak hal. Justeru, pelajar seharusnya mampu menguasai dan menggabungkan pelbagai kemahiran yang berkaitan seperti kemahiran mendengar, memerhati, berfikir termasuklah juga kemahiran belajar bagi melahirkan satu bentuk pendidikan yang lebih bermakna dan bestari sekaligus mendapatkan keputusan yang cemerlang di dalam akademik khususnya. Tindakan yang bijak akan memastikan pelajar sentiasa berada dalam keadaan selesa untuk belajar dan seterusnya berjaya.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Apabila dikatakan sebagai kemahiran, ia menuntut kita mengetahui apakah kemahiran yang akan dipelajari. Ia lebih tepat kita sebut sebagai belajar cara untuk belajar. Selalunya ia disebut sebagai 'smart study' iaitu belajar dengan kaedah yang betul ditambah dengan minat, motivasi serta kesungguhan yang tinggi. Apabila disebut sebagai kemahiran ia juga memerlukan ulangan. Teknik-teknik belajar yang tertentu perlu dikuasai pelajar bagi memastikan pelajar mahir dalam menghadapi suasana kampus seterusnya dapat belajar dengan tenang dan sempurna.

Heidrun dan Albert (2005), turut mendapati faktor cara pembelajaran yang berkesan mempengaruhi secara langsung pencapaian akademik pelajar. Antara elemen kemahiran belajar yang digunakan ialah pengurusan masa belajar, pembelajaran secara berterusan, penilaian sendiri terhadap sistem pembelajaran, kecekapan sendiri, kekuatan sendiri, cita-cita dan pencapaian sebenar. Terdapat perbezaan yang nyata dari aspek kecemerlangan akademik berdasarkan kepada cara mereka belajar. Bagi mereka yang mempunyai kaedah belajar yang berkesan, menunjukkan tahap pencapaian akademiknya adalah tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak mempunyai satu sistem belajar yang teratur.

Umumnya, kemahiran belajar mempunyai dua perkataan yang berbeza dan mempunyai maksud yang berbeza. Apabila digabungkan ianya mempunyai maksud yang menggambarkan kebolehan seseorang atau apa juga benda termasuklah binatang mahupun robot di dalam menghadapi atau menggunakan sesuatu. Kemahiran belajar di sini bolehlah ditakrifkan sebagai kecekapan serta kebolehan seseorang dalam mengaplikasikan teknik menghadapi situasi mendapatkan ilmu pengetahuan iaitu pembelajaran, contohnya dari segi cara mengatasi masalah, mengumpul maklumat, membuat nota ataupun memotivasikan diri untuk mendapat kejayaan atau keputusan yang terbaik dalam lapangan yang diceburi dengan keadaan yang selesa.

Kemahiran mengikut Kamus Dewan merujuk kepada terlatih untuk mengerjakan sesuatu atau kecekapan atau kepandaian. Belajar pula ialah berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan atau menuntut ilmu pengetahuan. Sabri (2003) pula menakrifkan kemahiran belajar sebagai prinsip, teori umum dan kaedah tertentu yang dapat melipat gandakan keberkesanan belajar. Pengertian 'kemahiran belajar' ini diteguhkan lagi oleh Khalid (2005), yang menyatakan bahawa ianya merupakan mekanisma yang digerakkan oleh dorongan dan sikap serta berkait dengan keberkesanan belajar yang bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertatertib serta optimum yang menyepadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk mencapai kejayaan.

Ini bererti, kemahiran belajar juga dimaksudkan sebagai satu set pengetahuan atau maklumat yang kemudiannya digabungkan dengan kemahiran-kemahiran tertentu bagi menjadikan pembelajaran itu dapat dipelajari dengan lebih mudah dan cepat. Teknik yang betul dalam menghadapi situasi pembelajaran akan memastikan pelajar semakin mahir untuk menguasai ilmu dan seterusnya dapat menyesuaikan diri untuk berada di kampus.

Terdapat banyak kemahiran belajar, antaranya kemahiran persediaan belajar, belajar berkumpulan, pengurusan masa, kemahiran berkomunikasi, kemahiran dalam menyelesaikan masalah, kemahiran menggunakan komputer dalam pembelajaran dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, kajian yang akan dijuruskan adalah melibatkan kemahiran dari segi belajar berkumpulan dan pengurusan masa. Menurut Tengku Asmadi (2015), pelajar berjaya adalah kerana mereka mempunyai strategi belajar berkesan serta teknik dan kemahiran belajar yang mantap, termasuklah belajar secara berkumpulan dan tidak membuang masa.

Ada pelajar yang mempunyai kaedah dan teknik belajar tersendiri, tetapi ramai pelajar yang langsung tidak mempunyai teknik atau kemahiran belajar (Muhammad, 2011). Kejayaan dalam belajar sebenarnya tidak bergantung kepada keupayaan dan kerajinan semata-mata tetapi juga hasil daripada keberkesanan kaedah belajar yang dilakukan. Menurut Sabri (2003), ramai pelajar yang cerdik tetapi gagal kerana membuat kerja-kerja yang tidak sesuai ataupun tidak mengetahui bagaimana untuk belajar secara berkesan. Menurut beliau lagi, kajian yang telah dijalankan di Kanada dan Amerika Syarikat mendapati bahawa antara faktor yang membantu pelajar berjaya dalam pelajarannya ialah 'kemahiran belajar'.

Belajar berkumpulan adalah melibatkan pengelompokan pelajar dalam satu kumpulan yang mengandungi dua orang atau lebih pelajar yang terlibat dalam sesuatu aktiviti pembelajaran bagi mencapai objektif pembelajaran yang sama (Wan Hasmah dan Nur Munirah, 2013).

Belajar berkumpulan adalah sangat digalakkan. Ini kerana, apabila perbincangan dibuat, ianya akan menjadikan seseorang lebih mengingati akan sesuatu perkara. Tambahan pula, belajar berkumpulan ini akan dapat membantu antara satu sama lain dalam mencari penyelesaian kepada satu-satu masalah dalam pembelajaran. Secara luarannya dapat dilihat bahawa kumpulan dapat memberikan sumbangan yang besar jika dibandingkan dengan seorang. Namun ianya perlulah menggunakan kaedah yang tersusun, sistematik dan

sempurna. Menurut Tengku Asmadi (2015), belajar secara berkumpulan, dapat menyelesaikan banyak masalah belajar apabila ia dirancang dan diatur dengan baik, tanpa melencong daripada tujuan yang sebenar.

Belajar secara berkumpulan sebenarnya lebih berkesan berbanding dengan belajar bersendirian, di mana idea atau pemikiran dapat dikongsi bersama, malah dapat dikembangkan. Misalnya ada sebahagian ahli yang membaca buku yang berbeza daripada kita, pandangan daripada buku tersebut dapat diperolehi dengan segera. Begitu juga dengan pengalaman yang berbeza yang dialami oleh setiap ahli kumpulan.

Walaupun begitu, belajar berkumpulan memerlukan adab dan disiplin diri yang tinggi. Misalnya perlu mengemukakan pandangan secara teratur, bersedia untuk berbeza pendapat, menggunakan kumpulan sebagai wadah untuk ‘sumbang saran’ atau menyemarakkan idea. Setiap ahli dalam kumpulan sudah mengetahui tentang kaedah tugas yang diberikan. Justeru, penghasilannya akan dapat dilihat secara lebih berkesan lagi jika dibandingkan dengan melakukan tugas secara bersendirian. Menurut Sabri (2003) pula, antara kebaikan belajar berkumpulan termasuklah dapat merancang motivasi dan minat serta kerja dapat dibuat dengan lebih mudah dan cepat. Ia juga adalah satu cara untuk menyelesaikan masalah yang membolehkan fakta atau teori ditukarkan kepada perspektif atau pandangan yang lebih luas.

Allah berfirman yang bermaksud:

“Demi masa manusia berada di dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman serta beramal soleh dan berpesan-pesan ke arah kebaikan”. (Surah Al-Asri)

Maksud firman di atas jelas menunjukkan peripentingnya masa untuk diuruskan dengan sebaik mungkin, dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan boleh mendatangkan kebaikan kepada semua.

“Strategi yang betul dalam pengurusan masa dapat memberikan banyak manfaat kepada pelajar, di samping mendapat kecemerlangan dalam peperiksaan, penggunaan masa yang teratur memudahkan pelajar melakukan pelbagai aktiviti” (Ivan, et al. 2013).

Kebanyakan daripada pelajar amat gemar menangguh kerja. Ini akan menjadikan kerja-kerja tersebut akan semakin banyak dan seterusnya semakin memeningkan pelajar. Ekoran daripada itu, ianya akan menjadikan pelajar lebih tertekan di tempat belajar dan seterusnya hilang tumpuan belajar. Pengurusan masa yang bijak memerlukan kesungguhan serta disiplin yang tinggi dalam memastikan objektif untuk menyudahkan kerja dengan baik dan teratur, tercapai. Menurut Tengku Asmadi (2015), sikap bertanggung ada dalam diri semua orang dan menjadi penyebab kepada kegagalan pelajar. Ini diteguhkan oleh Azlan (2014), kerja-kerja yang dilakukan awal akan membuahkan hasil yang sangat baik, manakala kerja-kerja yang ditangguhkan pada saat akhir akan menghasilkan kerja yang kurang sempurna, tidak memuaskan hati dan tidak sistematik.

Pengurusan masa dengan baik sebenarnya akan menjadikan seseorang itu merasa lebih tenang, kerana kebanyakan kerja telah disudahkan dan disusun dengan baik untuk disiapkan dalam masa yang telah dirancang. Pembaziran masa dengan perkara-perkara yang tidak ada hubungan dengan memperkukuhkan mutu pembelajaran baik secara formal atau tidak formal haruslah dielakkan. Perancangan yang bersistematik dan tersusun perlu dibuat dalam pengurusan masa. Di samping itu, disiplin yang kuat perlu ada dalam setiap pelajar bagi memastikan apa yang dirancang dapat dilakukan dengan baik, walaupun kadang-kadang perancangan terpaksa ditukar dengan kehadiran pelbagai aktiviti atau masalah yang baru untuk diselesaikan terlebih dahulu. Setidak-tidaknya kesungguhan dalam mengurus masa jelas wujud dalam diri pelajar. Dahulukan kerja mengikut keutamaan, apa yang lebih penting dilakukan terlebih dahulu. Azlan (2014) menyatakan, proses pembelajaran memerlukan disiplin kerja dan pengurusan masa yang baik dan teratur. Menurutnya lagi, pelajar perlu merancang untuk menjimatkan masa belajar, mengurangkan tenaga yang diperlukan untuk belajar di samping dapat menjalankan aktiviti belajar dengan cara yang efesyen.

Pernyataan di atas adalah gambaran kepentingan dalam menguruskan masa. Maimunah, et al. (2000), menetapkan antara prinsip terpenting dalam pengurusan masa ialah mengenalpasti sikap dan tabiat dan mengawal masa. Pelajar haruslah mengetahui apakah sikap yang ada pada diri pelajar sama ada yang baik mahupun yang buruk dalam pengurusan masa. Beberapa persoalan bolehlah dibuat. Pelajar seterusnya perlu membuat penilaian daripada apa yang dinyatakan, dengan membuat satu keazaman untuk memperbaiki kelemahan yang ada dari segi pengurusan masa. Dengan masa yang ada pada pelajar, ia sememangnya dapat digunakan dengan membuat perkara yang berfaedah, sekiranya kawalan masa dapat dibuat. Walaupun begitu, kadang-kadang masa tidak dapat dikawal dengan baik ekoran gangguan terhadap perancangan atau aktiviti yang telah ditetapkan. Oleh kerana itu, pemilihan aktiviti mengikut keutamaan perlu dibuat. Keutamaan ini perlulah mengikut keperluan, kesesuaian dan kecekapan dalam menyudahkan sesuatu aktiviti.

Sesungguhnya pendekatan teknik pengurusan masa juga adalah berlainan di antara individu dengan individu yang lain. Ada di antara pelajar yang suka mengulangkaji pelajaran pada lewat malam, dan ada juga yang lebih gemar membaca pada waktu pagi. Jadi, ianya perlulah mengikut kesesuaian dan keselesaan pelajar tersebut. Namun, yang jelas matlamatnya adalah sama iaitu untuk membuat pelbagai aktiviti dengan jayanya dalam tempoh yang minimum.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Sebenarnya masih ramai pelajar yang tidak mengetahui teknik kemahiran belajar yang sepatutnya dikuasai oleh mereka dalam menghadapi situasi kehidupan dan pembelajaran di IPT. Ini disokong oleh pernyataan Khalid sepertimana yang diutarakan di bawah:

“Sebahagian pelajar yang gagal atau tidak cemerlang dalam peperiksaan sebenarnya mempunyai kebolehan dan keupayaan yang lebih daripada apa yang dibayangkan oleh keputusan mereka. Hakikat ini adalah cerapan saya sendiri sebagai pensyarah universiti, di mana saya sering kali terjumpa pelajar yang berjaya sewaktu di sekolah tetap gagal di peringkat pengajian tinggi” (Mohd Najib & Nor Shafrin, 2008).

Kemahiran-kemahiran belajar tertentu perlulah dikuasai oleh pelajar bagi memastikan kejayaan dapat dicapai pada tahap yang termampu, di samping bagi memastikan ilmu yang banyak dapat ditimba seterusnya dijadikan landasan bagi mencapai kejayaan dalam hidup mereka. Pelajar semestinya perlu memperluaskan diri dengan membuat persediaan yang rapi bagi menghadapi pembelajaran di IPT yang berbeza dengan zaman persekolahan. Menurut Tengku Asmadi (2015), menyelesaikan masalah pelajar umpama memadam api, puncanya perlu dicari dan difahami, barulah masalah dapat di atasi.

Sabri (2003), menyatakan bahawa tujuan belajar yang lemah adalah penyebab kepada kegagalan dalam mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Sedangkan mempunyai matlamat yang kukuh dan minat yang tinggi dalam pembelajaran akan memastikan pencapaian yang cemerlang dalam pembelajaran. Kebimbangan ini jelas menunjukkan sampai sekarang masih ramai pelajar yang tidak mengetahui teknik atau kemahiran yang perlu ada bagi memastikan keseimbangan pencapaian dalam semua bidang yang diceburi tanpa rasa tekanan belajar yang teruk.

Oleh kerana itu, pengkaji ingin mengkaji sejauhmanakah kewujudan kemahiran belajar dari segi pengurusan masa dan belajar berkumpulan diamalkan dikalangan pelajar di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK) serta pelajar di Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA).

3.0 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk:

- i. Mengetahui bagaimanakah pengurusan masa yang dilakukan pelajar dalam proses pembelajaran.
- ii. Mengetahui sejauhmanakah pengaplikasian belajar secara berkumpulan di kalangan pelajar.

4.0 FOKUS KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah, pengkaji memfokuskan:

- i. Sejauhmana pengurusan masa yang dilakukan pelajar dalam proses pembelajaran.
- ii. Sejauhmana pengaplikasian belajar secara berkumpulan di kalangan pelajar.

5.0 KAEDAH KAJIAN

Rekabentuk kajian yang telah dijalankan ini adalah jenis tinjauan deskriptif yang berbentuk kuantitatif. Terdapat dua bentuk tinjauan iaitu deskriptif dan '*explanatory*'. Deskriptif telah dipilih oleh pengkaji ekoran menurut Burns (2000), kaedah deskriptif adalah yang paling biasa digunakan dalam penyelidikan yang bersifat pendidikan. Ini adalah selaras dengan maksud deskriptif iaitu matlamat untuk menganggarkan setepat yang boleh sifat keadaan yang telah wujud atau sifat-sifat bagi populasi. Menurut Cowl (1996), tinjauan adalah selalunya untuk mengumpul data deskriptif yang berbentuk kuantitatif.

Rekabentuk jenis tinjauan dipilih kerana ianya adalah melibatkan sikap serta pendapat seseorang. Ini disokong oleh Wiersma (1995) yang menyatakan bahawa tinjauan digunakan untuk mengukur sikap, pendapat atau pencapaian. Menurut beliau lagi, tinjauan ini mempunyai skop yang luas yang mana ianya berguna untuk mempersembahkan contoh-contoh yang menggambarkan ciri-ciri kajian.

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar JTMK dan JKE di PSMZA. Sampel pula adalah terdiri daripada 129 responden, iaitu seramai 74 responden di kalangan perempuan dan 55 responden adalah lelaki. Peringkat pengajian responden adalah terdiri daripada mereka yang mengikuti kursus di peringkat diploma bagi semester 1 hingga 6. Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Salah satu tujuan menyediakan rekebutan pengkajian adalah untuk mencari jawapan kepada dua persoalan kajian yang dikaji. Menurut Wiersma (1995), populasi adalah kumpulan-kumpulan yang mengandungi semua orang yang mempunyai ciri-ciri dalam kumpulan yang penyelidik ingin membuat kajian. Dalam konteks kajian ini, populasi merujuk kepada semua pelajar JTMK dan JKE di PSMZA. Sampel adalah subset kepada populasi kajian yang mana pengkaji bercadang untuk mewakili kepada keseluruhan dapatan kajian.

Kaedah persampelan data merupakan teknik yang penting bagi menjamin kebolehpercayaan keputusan kajian yang dijalankan. Menurut Sulaiman (1996), kaedah pensampelan rawak merupakan cara terbaik untuk mendapatkan satu sampel yang mewakili populasi. Dalam konteks kajian ini, pensampelan rawak berstrata digunakan yang mana ianya tertumpu kepada pelajar JTMK dan JKE di PSMZA. Menurut Lau dan Zainuddin (1998), Pensampelan Berstrata adalah lebih sesuai digunakan apabila populasi yang ingin dikaji mempunyai beberapa kumpulan atau strata yang mempunyai ciri-ciri :-

- i. Ahli-ahli dalam sesuatu kumpulan mempunyai sifat-sifat yang sama.
- ii. Ahli-ahli di antara kumpulan mempunyai sifat-sifat yang berlainan.

5.1 Borang Soal Selidik

Maklumat akan diperolehi daripada responden dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah berkisar soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat demografi responden. Manakala bahagian B dan C berbentuk Skala Likert yang mempunyai soalan-soalan berkisar pengurusan masa (B) dan belajar berkumpulan (C).

Kaedah Likert telah digunakan pada bahagian B dan C yang mana prosedur ini melibatkan pengkaji memilih satu set pernyataan skop kepada mana-mana subjek yang ditanya untuk menunjukkan persetujuan atau ketidaksetujuan mereka bagi setiap pernyataan melalui skala lima titik, daripada sangat setuju kepada sangat tidak setuju.

Responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan item berdasarkan Skala Likert seperti Jadual 6.1 yang ditunjukkan di bawah.

Jadual 6.1 : Skala Pemeringkatan Likert

Skala	Sangat setuju	Setuju	Kurang setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
Skor	5	4	3	2	1
Jenis	Setuju		Tidak setuju		

Sumber : Diubahsuai daripada Mohd Najid (1999).

- i. Bahagian A (Maklumat Demografi Responden)
Bahagian A mengandungi soalan-soalan bertujuan mendapatkan maklumat berbentuk demografi seperti latar belakang pelajar yang terdiri jantina, semester dan jabatan.
- ii. Bahagian B (Pengurusan masa pelajar)
Pengurusan masa pada bahagian B ini akan menjuruskan soalan-soalan ke arah mengetahui adakah pelajar bijak dalam pengurusan masa berdasarkan ciri-ciri pengurusan masa yang baik. Bahagian ini juga menggunakan kaedah Skala Likert.
- iii. Bahagian C (Amalan belajar berkumpulan di kalangan pelajar tersebut)
Amalan belajar berkumpulan ini berada pada bahagian C, soalan-soalannya adalah merangkumi keperluan dalam belajar berkumpulan serta masihkah ianya diamalkan sehingga kini di JTMK dan JKE, PSMZA. Bahagian ini juga menggunakan kaedah Skala Likert.

6.2 Kaedah Analisis Data

Tindak balas yang diperolehi dari responden-responden melalui soal selidik akan dianalisis satu persatu mengikut turutan soalan secara kuantitatif. Kajian ini adalah berbentuk perihalan. Dapatan data akan disusun, diringkaskan dan akan dipersembahkan dalam bentuk yang mudah difahami serta sesuai digunakan. Semua data yang diperolehi dari responden akan dikumpul dan seterusnya dianalisis secara kuantitatif iaitu dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk memerihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian seperti dengan mencari skor min dan tahapnya serta peratusan kekerapan.

Jadual 6.2 : Kaedah Analisis Data

PERSOALAN KAJIAN	BIL	ITEM	KAEDAH ANALISIS DATA
	-		Data demografi - maklumat responden (Bahagian A).
	1	Bagaimanakah pengurusan masa yang dilakukan pelajar dalam proses pembelajaran (Bahagian B).	Skor Min
	2	Sejauhmanakah pengaplikasian belajar secara berkumpulan di kalangan pelajar (Bahagian C).	

Hasil dapatan dipersembahkan dalam bentuk jadual dengan pengiraan kekerapan, skor min dan peratusan. Tafsiran skor min atau tahap kecenderungan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.3 di bawah.

Jadual 6.3 : Jadual Penentuan, Tahap Mengikut Skor Min

Min Skor	Tahap kecenderungan
1.0 – 2.3	Rendah
2.4 – 3.7	Sederhana
3.8 – 5.0	Tinggi

Sumber : Landell (1997).

6.2.1 Pembolehubah Bersandar

Pembolehubah bersandar adalah pembolehubah yang bergantung kepada pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah melibatkan pengurusan masa dan belajar berkumpulan.

6.2.2 Pembolehubah Tidak Bersandar

Pembolehubah tidak bersandar pula adalah pembolehubah yang tidak bergantung kepada mana-mana pembolehubah ataupun dalam erti kata yang lain ianya adalah bebas. Pembolehubah tidak bersandar bagi kajian ini adalah kemahiran belajar.

6.3 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dibuat sebelum penyelidikan sebenar dilakukan. Seramai 10 responden telah dipilih. Kajian rintis ini dilakukan sebagai petunjuk kepada penyelidik dalam mengenalpasti soalan-soalan yang mudah, sukar serta kebolehpercayaannya. Kemudian soalan-soalan ini akan diperbaiki dalam memastikan kesahan item dan soalan-soalan yang digunakan. Dalam kajian rintis ini, *Alpha Cronbach* digunakan untuk menguji kebolehpercayaan soalan-soalan yang dibina kerana ia mampu menunjukkan kesesuaian hubungan item-item sebagai satu set soalan. Didapati Nilai pekali *Alpha Cronbach* untuk kajian ini adalah 0.87. *Alpha Cronbach* adalah koefisien kebolehpercayaan yang menggambarkan bagaimana satu set item itu mempunyai hubungan positif di antara satu sama lain. Semakin hampir nilai *Alpha* kepada angka 1, maka semakin baik nilai kebolehpercayaan item-item yang dibina. Sebaliknya jika nilai *Alpha* kurang daripada 0.6 adalah dianggap lemah (Uma, 2000).

6.4 Andaian Dan Batasan Kajian

Kajian ini mengandaikan semua responden benar-benar faham dengan tujuan kajian ini dilakukan dan menjawab soal selidik secara jujur dan rasional. Sampel responden yang dipilih juga diandaikan dapat mewakili populasi secara keseluruhannya. Ketetapan kajian ini juga bergantung kepada keterbukaan responden di dalam memberi jawapan mereka secara ikhlas dan jujur tanpa sebarang prejudis.

7.0 ANALISIS DATA

Bab ini akan membincangkan berkaitan dengan analisis dan dapatan kajian yang telah diperolehi melalui borang soal selidik yang dikutip. Kesemua data yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisa menggunakan perisian *SPSS Version 13.0 for Windows (Statistical Package For The Social Science)*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi meninjau kemahiran belajar di kalangan pelajar di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). Kajian ini akan mengambil kira kemahiran pelajar dalam pengurusan masa pelajar dan amalan belajar berkumpulan di kalangan pelajar tersebut.

7.1 Analisis Bahagian A – Data Demografi

Soal selidik pada bahagian A ini adalah berkaitan maklumat peribadi pelajar yang merangkumi jantina dan semester. Maklumat yang didapati daripada data demografi ini akan diproses untuk mendapat taburan kekerapan dan peratusan.

7.2 Analisis Responden Mengikut Jantina

Jadual 7.1 adalah menunjukkan bilangan responden lelaki berbanding responden perempuan.

Jadual 7.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	JTMK	
	Jumlah	
Lelaki	55	42.6 %
Perempuan	74	57.4 %
Jumlah	129	100 %

Jadual 7.1 tersebut juga menjelaskan bahawa responden lelaki adalah kurang 19 orang berbanding perempuan iaitu masing-masing adalah 55 responden atau 42.6% bagi lelaki dan 74 responden atau 57.4% bagi perempuan.

7.3 Analisis Bahagian B (Pengurusan Masa)

Analisis pada bahagian B dilakukan bagi menjawab persoalan ke dua iaitu bagaimanakah pengurusan masa yang dilakukan pelajar dalam proses pembelajaran. Skor min juga telah digunakan bagi membuat analisis data pada bahagian ini.

Jadual 7.2 : Skor Min dan Tahap Pengurusan Masa

No. Item	Keterangan Item	JTMK	
		Skor Min	Tahap
1.	Saya membuat jadual waktu harian / mingguan untuk diri saya.	3.13	Sederhana
2.	Saya suka membuat kerja mengikut keutamaan.	4.04	Tinggi
3.	Saya menggunakan masa dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah sahaja.	3.59	Sederhana
4.	Setiap hari saya gunakan masa dengan mengulangkaji pelajaran.	3.06	Sederhana
5.	Saya mempunyai masa rehat untuk melapangkan minda.	3.75	Sederhana
6.	Saya membuat kerja satu persatu tanpa perlu tergesa-gesa.	3.81	Tinggi
7.	Saya terus membuat kerja yang diberikan tanpa bertangguh.	3.28	Sederhana
8.	Saya mengawal masa saya dengan menyenaraikan perkara-perkara yang perlu dibuat.	4.10	Tinggi
9.	Saya seorang yang berdisiplin dalam menguruskan masa.	3.44	Sederhana
Skor Min Keseluruhan (Item B)		3.5780	Sederhana

Senarai item pada bahagian B di dalam Jadual 7.2 yang di atas adalah berkaitan dengan pengurusan masa. Dapatan kajian menunjukkan di JTMK dan JKE, item dan skor min tertinggi dan terendah adalah masing-masing pada item B8 iaitu 4.10 dan B4 yang mempunyai skor min 3.06. B8 adalah ‘mengawal masa dengan menyenaraikan perkara-perkara yang perlu dibuat’. Skor min terendah B4 pula adalah berkaitan ‘menggunakan masa setiap hari dengan mengulangkaji pelajaran’, iaitu skor terendah tersebut berada pada tahap sederhana. Jadual tersebut juga menunjukkan nilai skor min bagi semua item pada bahagian B berada pada tahap sederhana iaitu, 3.5780. Ini menunjukkan kemahiran dalam pengurusan masa yang baik adalah berada pada tahap yang sederhana.

7.4 Analisis Bahagian C (Belajar Berkumpulan)

Analisis pada bahagian C dilakukan bagi menjawab persoalan ke tiga iaitu sejauhmanakah pengaplikasian belajar secara berkumpulan di kalangan pelajar. Merujuk kepada Jadual 7.3, skor min juga telah digunakan bagi membuat analisis data pada bahagian ini.

Jadual 7.3 : Skor Min dan Tahap Belajar Berkumpulan

No. Item	Keterangan Item	JTMK	
		Skor Min	Tahap
10.	Saya suka belajar secara berkumpulan berbanding belajar sendiri.	3.79	Sederhana
11.	Saya suka memberikan pendapat dan idea ketika belajar atau berbincang secara berkumpulan.	3.93	Tinggi
12.	Apabila belajar secara berkumpulan, saya pastikan ianya tidak lari dari matlamat asal perbincangan.	3.98	Tinggi
13.	Belajar secara berkumpulan dapat membantu saya dalam meningkatkan mutu pembelajaran.	4.22	Tinggi
14.	Saya membuat perbincangan dengan rakan berkaitan masalah pembelajaran pada setiap minggu.	3.77	Sederhana
15.	Saya suka menyelesaikan masalah pembelajaran secara berkumpulan.	4.07	Tinggi
16.	Saya suka kumpulan yang mempunyai input (mendapat faedah) hasil daripada perbincangan.	4.36	Tinggi
Skor Min Keseluruhan (Item C)		4.0166	Tinggi

Jadual 7.3 di atas menjelaskan pada bahagian C tersebut, item-item yang dinyatakan adalah berkisar belajar berkumpulan. Skor min tertinggi didapati pada item C16 yang masing-masing mempunyai skor min 4.36. C16 ini pernyataannya adalah berkaitan dengan responden yang sukakan kumpulan yang mempunyai input (mendapat faedah) hasil daripada perbincangan.

Bagi Skor min terendah pula adalah 3.77 iaitu pada item C14 yang mempunyai pernyataan ‘membuat perbincangan dengan rakan berkaitan masalah pembelajaran pada setiap minggu’. Nilai skor min semua item pada bahagian C adalah 4.0166 iaitu pada tahap yang tinggi.

7.5 Analisis Keseluruhan Bagi Setiap Bahagian Item

Jadual 7.4 di bawah menunjukkan skor min keseluruhan bagi setiap bahagian item yang dibuat. Ianya bagi melihat perbezaan min serta tahap bagi semua bahagian iaitu B dan C.

Jadual 7.4 : Skor Min Keseluruhan Bagi Setiap Bahagian Item

PSMZA	Min B	Tahap	Min C	Tahap
JTMK	3.5780	Sederhana	4.0166	Tinggi
Purata Skor Min		3.8 (Tinggi)		

Skor min B(pengurusan masa), adalah 3.5780 pada tahap sederhana. Ini menunjukkan mungkin pelajar di JTMK dan JKE adalah kurang bijak dalam menguruskan masa berbanding aspek belajar berkumpulan yang mempunyai skor min 4.0166, iaitu pada tahap tinggi. Purata skor min pula adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.8 yang menandakan kemahiran belajar di kalangan pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi(JTMK) dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik(JKE) adalah pada aras tinggi. Ini bermakna, skor min C adalah 0.4386 lebih tinggi berbanding skor min C.

7.6 Rumusan

Daripada analisis data yang telah dilakukan ini, menunjukkan secara keseluruhannya, di antara satu item soalan dengan item soalan yang lain tidak terdapat sebarang perbezaan yang ketara nilai skor minnya. Analisis data juga menunjukkan responden mungkin mempunyai kemahiran belajar yang tinggi dari aspek belajar berkumpulan berbanding pengurusan masa yang kelihatan seolah-olah diabaikan. Ini mungkin disebabkan oleh sikap pelajar yang kurang peka akan kepentingan pengurusan masa yang baik. Walaubagaimanapun, secara keseluruhannya, pelajar JTMK dan JKE adalah mempunyai kemahiran belajar yang tinggi.

8.0 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

Perbincangan, rumusan dan cadangan yang dikemukakan dalam bab ini diharap mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak tertentu dan bakal-bakal pengkaji akan datang sebagai kesinambungan terhadap kajian yang telah dilakukan.

8.1 Perbincangan

Data diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden. Responden diminta untuk menjawab 16 item yang berkaitan dengan persoalan kajian dengan menggunakan lima skala pemeringkatan iaitu (1= Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Kurang Setuju , 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju) untuk memperkukuhkan data soal selidik.

Perbincangan hasil daripada dapatan kajian adalah berdasarkan kepada persoalan kajian yang mengandungi:

- i. Pengurusan masa yang dilakukan pelajar dalam proses pembelajaran.
- ii. Pengaplikasian belajar secara berkumpulan di kalangan pelajar.

8.1.1 Pengurusan Masa dalam Proses Pembelajaran

Terdapat sembilan soalan atau item yang telah dikemukakan pada bahagian (B) ini. Semua item yang diberikan adalah berkisar penggunaan masa oleh pelajar bagi menjawab persoalan yang berkaitan. Secara keseluruhannya, pengurusan masa di kalangan pelajar adalah pada tahap yang sederhana. Ini bermakna, kebanyakan daripada responden tidak menggunakan masa mereka dengan sebaiknya. Ini dikuatkan oleh Morgan (1995) yang menyatakan kebanyakan pelajar tidak pandai menguruskan masa dengan baik. Ini dikukuhkan oleh Ahmad Fadzli (2011) yang menyatakan ramai yang tidak memanfaatkan masa dengan baik, walaupun mengetahui ianya penting dalam kehidupan.

Salah satu rahsia kejayaan yang tinggi pada seseorang adalah pengurusan masanya yang cekap yang membolehkan mereka membuat dan mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan dengan jayanya. Antara faktor yang menentukan kejayaan seseorang ialah bagaimana dia menguruskan masanya (Khalid, 2005). Ini seiring dengan pernyataan Tengku Asmadi (2015), iaitu pelajar perlu bijak menguruskan masa, supaya dapat diseimbangkan antara aktiiti mengulangkaji pelajaran dengan aktiviti-aktiviti yang lain. Kegagalan mengurus dan mengatur masa dengan berkesan antara faktor kegagalan dalam pembelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan sudah menjadi kebiasaan bagi pelajar menanggung tugas atau kerja yang diberikan. Mereka juga tidak menggunakan masa dengan sebaiknya untuk mengulangkaji pelajaran. Carol (1991) mendakwa, penangguhan kerja merupakan masalah utama bagi kebanyakan pelajar dan ianya boleh memberi kesan ke atas pencapaian akademik. Ini di sokong oleh Brooks dan Mullins (1994) yang mengatakan bahawa perlakuan melengah-lengahkan kerja adalah merupakan perkara yang tidak asing lagi dan ianya menimbulkan masalah pengurusan masa.

Dapatan kajian juga menunjukkan kebanyakan responden kurang berdisiplin dalam penggunaan masa, di samping tidak membuat jadual waktu untuk aktiviti-aktiviti yang akan dilakukan. Bagi melaksanakan pengurusan masa secara berkesan, ia memerlukan disiplin dan komitmen yang tinggi (Muhammad Salleh, 2008). Menurut Mohd Sharani dan Zainal

(2003) pula menyatakan, jadual kerja perlulah dibuat oleh pelajar bagi menambahkan keberkesanan pembelajaran.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan sikap kurang baik di kalangan responden terhadap pengurusan masa secara keseluruhannya, namun demikian, responden didapati masih mampu untuk mengawal masa dengan membuat kerja mengikut keutamaan, walaupun mereka kurang jelas dalam perancangan masa yang terbaik. Mengikut Barnes (1995), prinsip pengurusan masa ialah merancang apa yang ingin dan perlu dilakukan secara keseluruhannya dan seterusnya membuat tindakan dengan mengikut keutamaan. Nist dan Holschuh (2000) menyokong pernyataan Barnes tersebut dengan menjelaskan bahawa seseorang pelajar yang bijak menguruskan masanya, akan menyenaraikan kerja-kerja yang perlu dilakukan mengikut keutamaan dan seterusnya dilaksanakan kerja berkenaan dengan penuh kesungguhan dan keyakinan.

Pengurusan masa di kalangan responden adalah pada tahap yang sederhana. Ini bermakna, pelajar JTMK dan JKE tidak dapat menggunakan masa dengan betul. Subahan (1987) mendapati, melalui penyelidikan yang dibuat, banyak masa yang digunakan oleh pelajar itu bergantung kepada motivasinya. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan menggunakan masa mereka dengan lebih cekap.

8.1.2 Pengaplikasian Belajar Secara Berkumpulan

Pada bahagian (C) ini terdapat tujuh soalan yang telah dikemukakan yang ianya menyentuh persoalan kajian berkaitan dengan pembelajaran secara berkumpulan yang diamalkan oleh pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar JTMK dan JKE telah mengaplikasikan pembelajaran secara berkumpulan, kerana mempunyai skor min pada tahap yang tinggi, yang mana menunjukkan belajar secara berkumpulan adalah perkara biasa dilakukan.

Menurut Rashidi dan Abdul Razak (1996), dalam beberapa situasi, strategi pembelajaran secara berkumpulan adalah lebih berkesan daripada pembelajaran yang berbantuan guru (mempunyai guru yang mengajar). Azlan (2014) pula berpendapat, bahawa belajar berkumpulan merupakan satu cara yang sangat baik dan efektif, dengan syarat perbincangan perlulah fokus, sistematik dan tidak menghabiskan masa dengna berborak perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah.

Sememangnya terdapat pembelajaran kumpulan yang menggalakkan dan mempermudah pelajar menguasai pengetahuan dan meningkatkan suasana pembelajaran yang aktif, namun menurut Webb (1991), terdapat juga pembelajaran berkumpulan yang menyekat penguasaan pengetahuan, tidak mencapai tujuan yang dikehendaki, malah menjadikan sesuatu tempat itu riuh-rendah yang akhirnya mengganggu pelajar lain. Penggunaan kumpulan sebegini akan menjadikan pencapaian keseluruhan kumpulan lebih rendah. Ini bererti pelajar tersebut boleh mendapat gred yang lebih baik sekiranya belajar secara bersendirian berbanding belajar secara berkumpulan.

Walaupun demikian, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden mengakui belajar berkumpulan dapat membantu mereka dalam meningkatkan mutu pembelajaran. Ini dipersetujui oleh Hilke (1990) yang menyatakan bahawa kaedah pembelajaran berkumpulan dapat merangsang kerjasama akademik di kalangan pelajar, menggalakkan interaksi positif, meningkatkan pencapaian akademik serta membina dan meningkatkan harga diri mereka. Menurut Ramanoff (1991) pula, kebaikan belajar secara berkumpulan ialah pelajar mempunyai peluang untuk mendengar, membaca dan belajar apa yang tidak diketahui daripada ahli kumpulan yang mempunyai pengetahuan lebih banyak.

8.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menggambarkan bahawa kemahiran belajar yang ada pada responden adalah tinggi. Mereka didapati lebih banyak bersetuju pada bahagian C iaitu ‘belajar berkumpulan’. Ini menunjukkan responden mempunyai kemahiran belajar yang tinggi dari aspek amalan belajar secara berkumpulan. Oleh kerana itu pelajar perlu menggunakan teknik terbaik seperti sentiasa membuat kerja dan belajar secara berkumpulan untuk memastikan tugas lebih mudah dilakukan, serta pembelajaran lebih mudah diikuti dan difahami, dengan memastikan ianya sentiasa fokus kepada pembelajaran tanpa melencong dari sasaran sebenar berkumpulan.

Walaubagaimanapun, didapati aspek pengurusan masa kurang dititikberatkan oleh kebanyakan responden. Dengan lain perkataan, mereka tidak menguruskan masa dengan baik. Dalam menguruskan masa, pelajar seharusnya mengetahui cara menggunakan masa yang berkesan, cabaran dan halangan dalam menggunakan masa serta akibat dan kesan dari penggunaan masa tersebut. Pengurusan masa juga termasuklah cara bagaimana pengawalan masa dilakukan dan ‘bertanggungjawab’ serta ‘berdisiplin’ menjadi kunci kepada pelaksanaan terhadap apa yang dirancang.

8.3 Cadangan

Kehidupan di kampus bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan. Ianya memerlukan penyesuaian dan persediaan yang rapi bagi mengelakkan pelajar melencong atau lari daripada matlamat asal ke sana. Peluang mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman berguna seharusnya diambil sebanyak mungkin semasa berada di sana, sebagai laluan untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik dan selesa.

Sebagai seorang pelajar, mereka juga dibebankan dengan pelbagai aktiviti dan tugas. Oleh itu, pelajar seharusnya bijak mengurus masa yang ada. Segala kerja atau tugas yang diberikan perlulah dilakukan dengan tidak menunggu saat-saat akhir. Dalam memastikan pelajar mempunyai kemahiran dalam pembelajaran, seseorang pelajar itu sendiri perlu mengenal diri mereka sendiri. Mereka seharusnya menetapkan matlamat yang jelas apabila berada di politeknik dengan menjadualkan apa yang ingin dan patut dilakukan, seterusnya cuba melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Belajar berkumpulan adalah corak pembelajaran yang sangat baik, sekiranya ia kena pada caranya. Oleh itu, ianya

digalakkan dalam memastikan pencapaian yang tinggi dalam akademik dengan memastikan matlamat sebenar belajar secara berkumpulan tidak tersasar.

Kejayaan seseorang pelajar, sudah tentu juga akan menaikkan imej institusi tersebut. Jadi, pihak politeknik seharusnya memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memastikan tahap kemahiran belajar bagi pelajar adalah lebih baik dari sebelumnya. Ini dapat dilakukan dengan memberikan kesedaran kepada pelajar tentang peripentingnya kemahiran belajar di kampus. Seminar-seminar berkaitan kemahiran belajar bolehlah diadakan sebagai aktiviti tahunan politeknik. Pihak politeknik bolehlah menjemput panel-panel dari dalam atau luar politeknik untuk memberikan pendedahan yang lebih kepada pelajar tentang kemahiran belajar. Ceramah-ceramah juga boleh dijadikan sebagai aktiviti mingguan kepada pelajar sebagai santapan rohani. Pameran-pameran juga boleh dibuat sebagai merangsang dan mendorong pelajar untuk meningkatkan kemahiran belajar.

9.0 RUJUKAN

- Ahmad Fadzli Yusof (2011). *Membina Persepsi Masa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Azlan Shaiful Baharom (2014). *Jom Belajar Sampai Ijazah Master Phd*. Selangor: Saffron Integrated Marketing Sdn. Bhd.
- Barnes, R. (1995). *Successful Study for Degrees*. 2nd. ed. New York: Routledge.
- Brooks, W.T. dan Mullins, T.W. (1994). *Pengurusan Masa Berkesan Hebat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burns, R.B. (2000). *Introduction to Research Methods*. Malaysia: Longman. 197
- Carol, K.K. (1991). *The Confident student*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Crowl, T.K. (1996). *Fundamentals of Educational Research*. City University, NY: Brown & Benchmark.
- Heidrun, S dan Albert, Z. (2005). *Evaluation of an elementary classroom self regulated learning program for gifted mathematic underachievers*. International Education Journal, 6(2), 261–271.
- Hilke, V.E. (1990). *Cooperative Learning*. Bloomington, I.N.: Phi Delta Kappa.
- Ivan H., *et.al* (2013). *Cara Untuk Berjaya*. Selangor: Mindamax Sdn. Bhd.
- Khalid Mohamad Nor (2005). *Belajar Teknik Belajar*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Landell, K. (1997). *Management By Menu*. London: Wiley And Sons Inc.
- Lau, Too Kya dan Zainuddin Awang (1998). *Statistik Asas ITM*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Maimunah Hj. Mohamad, *et.al* (2000). *Kemahiran Pembelajaran di IPTA*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd. Sharani Ahmad dan Zainal Madon (2003). *Tip Pandai Belajar*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Morgan, M. (1995). *Improving Your Students' Learning: Reflections on the Experience of Study*. London: Kogan Page.
- Muhammad Salleh Ahmad Fadzillah (2008). *Pengurusan Masa*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Zakaria (2011). *Teknik Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Nist, S.L. dan Holschuh, J.P. (2000). *Active Learning: Strategies for Success*. Needham Heights, M.A.: Allyn and Bacon.
- Ramanoff, M.R. (1991). *Language and Study Skills*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall. Englewood Cliffs: Prentice Hall Regents.
- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1996). *Pengajaran dalam Bilik Darjah: Kaedah dan Strategi*. Selangor: Masa Enterprise.
- Sabri Ahmad (2003). *Kemahiran Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Subahan, T.M.M. (1987). *Pembelajaran Pelajar-pelajar: Satu Pengenalan*. Terbitan Tak Berkala No. 3. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1-15
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Asmadi Tengku Mohamad (2015). *Motivasi Alihan Pelajar*. Selangor : PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Uma, S. (2000). *Business Research Methodology*. United Kingdom: Golden Books.
- Wan Hasmah Wan Ahmad dan Nur Munirah (2013). *Pembelajaran Koperatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Webb, N.M. (1991). *Task-related Verbal Interaction and Mathematics Learning in Small Groups*. Journal of Research in Mathematics Education. 22. 266 – 389.
- Wiersma, W. (1995). *Research Method in Education: An Introduction*. 6th. ed. Needham Heights, M.A.: Allyn and Bacon.